

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang bertindak mengimbangi hak-hak petani dan hak pembiakan baka tumbuhan komersial dengan terma-terma yang ada di dalam Konvensyen UPOV 91 sama ada untuk diselaraskan ataupun tidak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian bercadang untuk meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 bagi tujuan berikut :

- i. mengelak pertindihan kuasa kepada Akta-akta sedia ada seperti:-
 - Akta Akses Kepada Sumber Biologi Dan Perkongsian Faedah 2017 (Akta 795)
 - Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678)
- ii. mempercepatkan proses pemberian hak pembiak baka;
- iii. mengiktiraf hasil usaha pembiak baka yang membangunkan varieti baru;
- iv. melindungi varieti baru yang telah didaftarkan; dan

SOALAN NO : 6

- v. menambah baik hak-hak petani selaras dengan Konvensyen International Union For The Protection of New Varieties of Plants (UPOV) 1991.

2. Skop Rang Undang-Undang (Pindaan) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan ini hanya melibatkan varieti baru tanaman yang didaftarkan dan tidak menyentuh varieti-varieti sedia ada dalam negara. Pindaan RUU ini akan memberikan hak yang sama kepada semua pembiak baka sama ada petani, profesional, usahawan atau syarikat dalam mendaftarkan varieti baru yang dihasilkan. Sistem Perlindungan di bawah RUU ini membolehkan pembiak baka mendaftar dan mendapat hak perlindungan pada varieti yang memenuhi syarat Kebaharuan, Kelainan, Keseragaman dan Kestabilan (*Novelty, Distinctness, Uniformity and Stability*).

3. RUU ini membenarkan petani kecil untuk menghasilkan, menyimpan dan bertukar bahan tanaman sesama petani dari varieti yang dilindungi tanpa tujuan komersil mengikut definisi dan syarat yang telah ditetapkan di bawah RUU ini.

4. Justeru, petani akan mempunyai banyak pilihan dalam memilih benih-benih dari pelbagai varieti baru atau varieti sedia ada yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak sama ada individu atau syarikat kecil mahupun syarikat gergasi. Petani pastinya akan cenderung untuk memilih varieti yang mampu memberikan pulangan yang tinggi pada harga yang setimpal kerana penerimaan sesuatu varieti bukan bergantung kepada syarikat yang menghasilkannya tetapi kualiti dan potensi yang mampu diberikan oleh varieti tersebut.

5. Kementerian yakin pindaan Akta ini kelak akan dapat melindungi hak petani dan membawa industri benih tanaman ke peringkat yang lebih tinggi melalui penghasilan pelbagai varieti-varieti baru tanaman yang dapat memberi pelbagai pilihan dan membantu petani meningkatkan produktiviti melalui penggunaan benih-benih yang mempunyai ciri-ciri *superior* yang dihasilkan. Sekian, terima kasih.